

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [ JELEBU ]**

**TARIKH : 23.05.2016 (ISNIN)**

**Dato' Haji Zainudin bin Ismail [ Jelebu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah Program Friends of KPDNKK telah berjaya membantu peranan Kementerian melalui program Friends of KPDNKK, apakah Kejayaan yang significant yang boleh dikongsikan sejak ianya mula diperkenalkan sehingga kini.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Sejak diperkenalkan pada bulan Ogos 2015, sambutan orang ramai untuk menyertai keahlian *Friends Of KPDNKK* (FOK) amat menggalakkan dan sehingga kini, keahliannya telah meningkat kepada seramai 309,425 orang. Pendaftaran keahlian ini adalah secara sukarela samada secara atas talian (*online*) atau manual dengan mengisi borang yang disediakan di setiap pejabat KPDNKK di seluruh Negara.

Peranan FOK ialah untuk membantu menjadi mata dan telinga kepada KPDNKK dalam perkara yang berkaitan dengan bidang kuasa KPDNKK dan mempromosikan aktiviti-aktiviti KPDNKK samada melalui media sosial dan sebagainya. Pihak KPDNKK juga telah membuat penetapan bahawa pada tahun 2016, setiap kawasan Parlimen akan mempunyai keahlian FOK sekurang-kurangnya seramai 500 orang.

Hasil kerjasama FOK, KPDNKK telah menerima sebanyak 941 aduan melalui Facebook dan Twitter FOK serta Pusat Informasi dan Gerakan Operasi Strategik (PIGOS) KPDNKK. Aduan-aduan yang diterima ini akan disiasat oleh Penguatkuasa KPDNKK dan seterusnya diambil tindakan sekiranya terdapat kes atau kesalahan.